

Nik Aziz sedia minta maaf kepada Dr M

BH 28 SEP 2002

Oleh Veena Rusli dan Ziauddin Sharuddin

KOTA BHARU, Jumaat - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bersedia memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri mengenai kenyataannya yang mendakwa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak tahu membaca al-Quran.

Beliau berkata, permohonan maaf akan dilakukan menerusi ceramah umum kerana dakwaan

berkenaan 'terkeluar dari mulutnya' ketika berucap di pentas ceramah.

Bercakap kepada pemberita selepas solat hajat perdana di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan hari ini, Nik Aziz mendakwa kesilapannya itu mungkin berpunca daripada keadaannya yang 'separuh tidur dan separuh sedar' ketika berceramah malam itu.

"Sebenarnya, selepas makan nasi di rumah seorang penduduk,

saya letih dan tidur tanpa bantal. Tuan rumah pula datang bagi bantal, jadi saya tidur nyenyak betul. Bila orangkejut saya untuk pergi ceramah, saya ceramah dalam keadaan separuh tidur separuh sedar.

"Oleh itu, keluarlah benda-benda tak betul. Tambahan pula malam tu hujan dan tabiat tubuh saya ni kalau tengok hujan, saya memang cukup takut. Saya trauma dengan hujan kerana bila hujan, saya selsema dan batuk.

"Jadi, bila ceramah ketika hujan, tuan-tuan (wartawan) boleh agak bagaimana jiwa saya berbehal bagi agaknya," katanya.

Ahad lalu, seorang ahli perniagaan membuat laporan polis berhubung kenyataan berbentuk fitnah Nik Aziz terhadap Perdana Menteri.

Mohd Zain Yasim, 35, membuat laporan itu di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) ini, kira-kira jam

LIHAT MUKA 4

Nik Aziz akui silap buat kenyataan

BH 28 SEP 2002

DARI MUKA 1

5.40 petang bersama kaset, dipercayai mengandungi rakaman ucapan Nik Aziz sebagai bukti.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata, beliau sedia meminta maaf kerana beliau tersilap ketika membuat kenyataan itu.

"Benda hok (yang) saya buat salah, saya mengaku salah. Saya buat tu dalam ceramah. Jadi saya akan minta maaf pun dalam ceramah juga. Sekarang ni pun (bercakap kepada wartawan) dah ceramahlah kiranya ni.

"Insya-Allah, saya harap tuan-tuan siarkanlah. Hok ni saya tahu saya salah, hok yang tak salah macam ni (Tuhan) samseng saya lawan habis-habisan kerana saya yakin saya betul. Saya lawan walaupun ada menteri suruh saya bertaubat," katanya.

Di **JELBU**, Menteri **Jabatan** Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata, Perdana Menteri boleh menggunakan Akta Mesin Cetak jika memilih untuk menyaman Nik Aziz.

Beliau juga berkata, pemimpin pembangkang itu sepatutnya membuat sesuatu laporan berasaskan kebenaran kerana orang ramai akan mengetahui Nik Aziz tidak bercakap benar apabila Perdana Menteri dapat membuktikan kebolehan membaca al-Quran.

Rais berkata, masalah itu akan selesai jika Nik Aziz memohon maaf kepada Dr Mahathir kerana semua orang mempunyai kelemahan.

Bagaimanapun, katanya jika pindaan Akta Pilihan Raya berkuat kuasa nanti, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap sesiapa yang membuat tuduhan palsu ketika kempen pilihan raya.